

**FAKTOR-FAKTOR KEJAYAAN DAN MASALAH DALAM
PENGENDALIAN PERNIAGAAN DI KALANGAN USAHAWAN WANITA DI
DUA BUAH DAERAH DI NEGERI KELANTAN**

NORSHUHAIDA BINTI MOHAMAD

**DISERTASI/TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN
PERNIAGAAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2014

ABSTRAK

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan dan kegagalan usahawan wanita bagi dua buah daerah di Negeri Kelantan. Kajian ini juga meneliti masalah yang dihadapi oleh usahawan wanita semasa mengendalikan perniagaan mereka. Reka bentuk kajian ialah kajian kuantitatif di mana maklumat dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik. Sampel adalah terdiri daripada 60 orang wanita yang terlibat dalam aktiviti keusahawanan di Kota Bharu dan Tanah Merah. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Packages For Social Sciences (SPSS) 17.0* untuk mendapatkan maklumat kekerapan, peratusan dan min. Dalam kajian ini, Analisis Faktor digunakan untuk mendapatkan data yang lebih terperinci mengenai faktor kejayaan dan kegagalan usahawan wanita. Kajian menunjukkan terdapat lima faktor yang mempengaruhi kejayaan dan kegagalan usahawan wanita iaitu faktor sikap, strategik perniagaan, pengurusan perniagaan, kemahiran atau pengetahuan dan penggunaan teknologi maklumat. Walau bagaimanapun, kajian yang lebih komprehensif dengan sampel yang lebih besar perlu dijalankan sebelum sesuatu program atau dasar berkaitan dengan keusahawanan wanita hendak dilaksanakan.



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



ABSTRACT

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

The objective of this research is to identify the factors that influence the success and failure of women entrepreneurs in two districts in the state of Kelantan. This research will examine the difficulties faced by women entrepreneurs when handling their businesses. The research design is based on the quantitative method and data were collected via questionnaires. The sampling involved 60 women entrepreneurs from the Kota Bharu and Tanah Merah areas. The data was analysed using the *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) 17.0* in order to obtain information related to the frequency, percentage and the min value. The Analysis Factor was used in this research to obtain detail data related to factors that determined the success and failure among women entrepreneurs. This research found five factors that influenced the success and failure of women entrepreneurs, which are attitude, business strategies, business management, skill or knowledge and use of IT. However, a more comprehensive research, using a larger number of samples needs to be undertaken before any program or policy related to women entrepreneurship can be implemented.



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKA

DRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

KANDUNGAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

MUKA SURAT

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

PENGAKUAN

ii

ABSTRAK

iv

ABSTRACT

v

SENARAI JADUAL

x

SENARAI RAJAH

xii

SENARAI SINGKATAN

xiii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Pemasalahan Kajian	4
1.3	Matlamat Kajian	10
1.4	Objektif Kajian	11
1.5	Persoalan Kajian	12
1.6	Skop Kajian	12
1.7	Kepentingan Kajian	
1.8	Definisi Konseptual & Operasional	14
1.8.1	Usahawan	14
1.8.2	Usahawan Wanita	17
1.8.3	Keusahawanan	18
1.8.4	Faktor Dalaman	21
1.8.5	Faktor Luaran	21
1.8.6	Kemahiran	22
1.8.7	Strategik Perniagaan	22
1.8.8	Penggunaan IT	22

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	1.8.9 Pengurusan Perniagaan	22
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	1.8.10 Persekutaran	23
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	1.8.11 Sikap	23
	1.9 Rumusan	24

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	25
2.2 Jenis-jenis Usahawan	27
2.3 Model Asas Proses Keusahawanan	30
2.4 Profil Peribadi	32
2.5 Profil Perusahaan Dan Perniagaan	36
2.6 Faktor Penglibatan Dalam Aktiviti Keusahawanan	39
2.7 Faktor Kejayaan Perniagaan	42
2.8 Faktor Kegagalan Perniagaan	44
2.9 Masalah Yang Di Hadapi	45
2.10 Kajian-Kajian Lepas	47
2.11 Rumusan	53

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	54
3.2 Reka Bentuk Kajian	55
3.3 Kaedah Persampelan	57
3.4 Kaedah Pengumpulan Data	58
3.4.1 Data Primer	58
3.4.1.1 Soal Selidik	59
3.4.2 Maklumat Sekunder	59
3.5 Instrumen Kajian	60
3.6 Kajian Rintis	66
3.7 Ujian Kesahan Dan Kebolehpercayaan	67

3.8	Kaedah Penganalisisan Data	70
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
3.8.1	Analisis Deskriptif	71
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
3.8.2	Analisi Faktor	73
3.9	Penutup	74

BAB 4 ANALISIS KAJIAN

4.1	Pengenalan	75
4.2	Ujian Kesahan Dan Kebolehpercayaan	76
4.3	Analisis Deskriptif	78
4.3.1	Maklumat Peribadi	79
4.3.2	Maklumat Perusahaan Dan Perniagaan	83
4.3.3	Ciri-Ciri Umum Kebolehan/Kemampuan Penglibatan Usahawan Wanita Sebagai Pemilik Dalam Pengurusan Syarikat	86
4.3.4	Amalan Pengurusan Dalam Aktiviti Keusahawanan Wanita	87
4.3.5	Penglibatan Usahawan Wanita Dalam Bidang Perniagaan	88
4.4	Analisis Faktor	89
4.4.1	Faktor-Faktor Kejayaan Usahawan Wanita	89
4.4.2	Faktor-Faktor Kegagalan Usahawan Wanita	95
4.5	Masalah-Masalah Yang Dihadapi	101
4.5.1	Masalah Yang Dihadapi Semasa Memulakan Perniagaan	102
4.5.2	Masalah Yang Dihadapi Semasa Mengendalikan Perniagaan	104
4.6	Kesimpulan	106

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
5.1 Pengenalan		107
5.2 Ringkasan Kajian		108
5.3 Perbincangan Kajian		109
5.3.1 Apakah Profil Perniagaan Usahawan Wanita Di Negeri Kelantan		109
5.3.2 Apakah Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kejayaan Dan Kegagalan Usahawan Wanita Di dua buah daerah di Negeri Kelantan		111
5.3.3 Apakah Masalah Yang Dihadapi Oleh Usahawan Semasa Memulakan Dan Semasa Mengendalikan Perniagaan		113
5.4 Perbincangan Isu-Isu Berkaitan		114
5.5 Cadangan-Cadangan		116
5.5.1 Usahawan Wanita		117
5.5.2 Pihak Kerajaan, Kementerian, Persatuan Dan Agensi Lain		121
5.5.3 Kajian Akan Datang		125
5.6 Kesimpulan		127
RUJUKAN		129
LAMPIRAN A: BORANG SOAL SELIDIK		137

SENARAI JADUAL

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
Jadual

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
Muka Surat

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2.1	Faktor-Faktor Kegagalan	44
3.1	Pembahagian Soal Selidik	61
3.2	Skala Likert	65
3.3	Nilai Alpha Bagi Setiap Bahagian Soal Selidik Dalam Kajian Rintis	69
3.4	Tahap Kecenderungan	72
4.1	Nilai Alpha Setiap Bahagian Soal Selidik	77
4.2	Profil responden mengikut kelulusan akademik	79
4.3	Taburan Kekerapan Responden Mengikut Latar Belakang Keluarga Yang Menjadi Usahawan	80
4.4	Taburan Kekerapan Responden Mengikut Status Perkahwinan	80
4.5	Sebab-sebab Menceburkan Diri Dalam Perniagaan	81
4.6	Pekerjaan Terakhir Sebelum Berniaga	82
4.7	Penyertaan Dalam Latihan/Kursus Tentang Keusahawanan	82
4.8	Status Organisasi	83
4.9	Jenis Perniagaan/Perusahaan	84
4.10	Umur Semasa Memulakan Perniagaan	85
4.11	Sumber Modal.	85
4.12	Min Keseluruhan Bagi Ciri-Ciri Umum Kebolehan/Pengurusan Syarikat Kemampuan Dalam	86
4.13	Min Keseluruhan Bagi Amalan Pengurusan Dalam Aktiviti Keusahawanan Wanita.	87
4.14	Keputusan Analisis Min Bagi Faktor-Faktor Penglibatan Usahawan Wanita	88
4.15	<i>Eigenvalues</i> dan Peratusan Varian Bagi Faktor-Faktor Kejayaan Usahawan Wanita .	90
4.16	Keputusan Analisis Faktor Bagi Faktor-Faktor Kejayaan Usahawan Wanita.	91

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

DRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

4.17 Min Keseluruhan dan Cronbach Alpha Bagi Faktor-Faktor**Kejayaan Usahawan Wanita****4.18 Eigenvalues dan Peratusan Varian Bagi Faktor-Faktor****Kegagalan Usahawan Wanita****96****4.19 Keputusan Analisis Faktor Bagi Faktor-Faktor****Kegagalan Usahawan Wanita****97****4.20 Min Keseluruhan dan Cronbach Alpha Bagi Faktor-Faktor****Kegagalan Usahawan Wanita****100****4.21 Masalah-Masalah Yang Dihadapi Semasa Memulakan Perniagaan****102****4.22 Masalah-Masalah Yang Dihadapi Semasa Mengendalikan****Perniagaan****104**

SENARAI RAJAH

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

Rajah**Muka Surat**

2.1	Model Asas Proses Keusahawanan	30
3.2	Carta Aliran Kajian	57



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKA

DRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

SENARAI SINGKATAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

TAJUK

SPSS Statistical Package for Social Science

IKS Industri Kecil Dan Sederhana

IT Information Technology

Dewanita Dewan Usahawan Wanita

KPUn Kementerian Pembangunan Usahawan



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

DRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

BAB 1**PENGENALAN****1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Wanita merupakan sebahagian besar daripada populasi masyarakat Malaysia. Sumbangan besar kaum wanita kepada pembangunan negara sememangnya telah lama diiktiraf iaitu sebagai isteri, ibu dan anak. Mereka merupakan tunggak utama dalam membentuk generasi Malaysia yang penyayang dan progresif di masa hadapan. Mengikut sumber Jabatan Perangkaan Malaysia, pada tahun 2006, seramai 13,077,600 orang daripada keseluruhan jumlah penduduk di Malaysia terdiri daripada golongan wanita dan kira-kira 45.8% daripada jumlah penduduk wanita merupakan tenaga buruh. Menurut Moha (2000) peningkatan penyertaan wanita sebagai tenaga buruh menunjukkan bahawa penglibatan wanita dalam aktiviti pembangunan negara semakin menyerlah dan kian positif. Ini dibantu oleh pembangunan negara yang

banyak membuka peluang dan ruang bagi wanita mempertingkatkan pencapaian mereka dalam pelbagai bidang dan aktiviti di samping membuka dan menyahut cabaran yang lebih besar untuk terus berperanan dan berjaya selaras dengan proses perindustrian dan pemodenan negara menuju abad ke 21.

Pada hari ini, nama-nama seperti Tan Sri Dr Zeti Akhtar, Datuk Dr Mazlan Othman, Dato' Dr Mashitah Ibrahim dan lain-lain merupakan nama-nama yang tidak asing lagi di kalangan masyarakat Malaysia. Mereka ini telah mempamerkan kebolehan, keupayaan dan kemampuan dalam bidang masing-masing bagi menunjukkan bahawa kedudukan dan kemampuan wanita pada hari ini telah setanding dengan kaum lelaki. Situasi ini dapat kita lihat apabila wanita sudah berupaya meletakkan diri di barisan hadapan sebagai peneraju dalam pelbagai bidang kepakaran seperti perubatan, perniagaan, perundangan, politik dan sebagainya.

Dunia perniagaan bukanlah satu bidang yang asing bagi kaum wanita. Contoh usahawan wanita yang paling tepat ialah Siti Khadijah, yang terlibat dengan perniagaan sehingga ke peringkat antarabangsa. Siti Khadijah merupakan contoh usahawan wanita terbaik bagi kaum wanita yang berminat dalam bidang keusahawanan. Dengan sikap, komitmen dan keinginan yang ditunjukkan di kalangan usahawan wanita pada masa kini, adalah tidak mustahil jika pada suatu hari nanti dunia keusahawanan akan diambil alih dan didominasi oleh wanita. Perlu disedari bahawa kita sedang berada di zaman globalisasi dan kata-kata '*tempat wanita hanya dicerukdapur*' adalah tidak relevan lagi. Menurut Tun Dr. Mahathir ketika berucap di Majlis Konvensyen Kebangsaan Usahawan Wanita 2002, pencapaian dan peranan yang dimainkan oleh golongan wanita dalam bidang keusahawanan kini jelas

membuktikan kemampuan wanita menghadapi persaingan. Pepatah Melayu yang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

IDRIS mengatakan bahawa ‘*tangan yang mengayunbuaiian itu sebenarnya berupaya*

menggegarkan dunia’ adalah benar. Puan Azizah Tumin, dalam ucapannya sempena

Majlis Perasmian Persatuan Usahawan Wanita Bumiputera Malaysia (USAHANITA)

menegaskan, sekiranya wanita ingin menjadi insan yang berjaya, mereka haruslah

menyemai ciri-ciri daya saing, daya maju dan kreatif. Sikap berani dan tidak takut

untuk menghadapi risiko kegagalan itu adalah permulaan kepada sesebuah kejayaan.

Di samping itu, menurut Y.B. Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika berucap di Bengkel Usahawan Wanita dan Pelancaran Direktori Usahawan Wanita Malaysia 2008, perkembangan dan pencapaian kaum hawa selepas kemerdekaan sehingga ke era milenium banyak memberikan sumbangan kepada ekonomi negara. Hampir separuh daripada jumlah penduduk Malaysia adalah wanita dan kini wanita merangkumi 47% daripada jumlah tenaga kerja dalam negara. Kedudukan kaum wanita dalam bidang professional, pengurusan dan teknikal telah meningkat daripada kurang 30 % pada tahun 1990-an kepada hampir 40 % pada masa kini. Dari segi penglibatan wanita dalam perniagaan pula, 16 % daripada jumlah industri kecil dan sederhana atau 82,911 buah syarikat adalah milik usahawan wanita. Sebahagian besar usahawan wanita terlibat dalam sektor perkhidmatan, 89.5 % atau 74,197 buah syarikat diikuti oleh sektor perkilangan sebanyak 7.5 % dan sektor pertanian sebanyak 3.0 %.

Di Malaysia, bidang keusahawanan bukan lagi menjadi suatu bidang yang

asing bagi masyarakatnya. Menurut laporan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia,

aktiviti perniagaan yang didaftarkan di pejabat pendaftaran perniagaan sepanjang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIK

IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

tahun 2001 menunjukkan bahawa daripada sebelas jenis usaha niaga, perniagaan makanan dan minuman mencatatkan statistik pendaftaran tertinggi bagi sepanjang tahun. Selain makanan dan minuman, aktiviti perniagaan yang banyak diceburi ialah peruncitan, pembinaan dan tekstil dan pakaian. Bilangan individu yang menyertai bidang keusahawanan juga semakin meningkat. Mengikut laporan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi(MECD) sepanjang tempoh tahun 2005 hingga tahun 2010 peningkatan dalam bilangan usahawan berlaku pada kadar 75.79%. Peningkatan ini disebabkan pelbagai faktor dan yang utamanya ialah kewujudan pelbagai bentuk sokongan dan bantuan yang diberikan oleh kerajaan melalui MECD. Menurut Zafir dan Fazilah (2003) jenis-jenis usahawan yang telah dibangunkan ialah usahawan tulen, vendor, pemasaran perabot, mentor dan francais.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Penglibatan wanita di dalam aktiviti ekonomi di Malaysia sudah bermula sejak awal lagi tetapi semakin meningkat dalam pertengahan tahun 1960-an iaitu apabila dasar mempelbagaikan ekonomi dilaksanakan. Pada peringkat awal kemerdekaan, majoriti wanita adalah terlibat di dalam sektor pertanian diikuti oleh sektor perkhidmatan dan sektor pembuatan. Keadaan semakin berubah antara tahun 1970-1980, selari dengan kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat dalam jangka masa tersebut telah menggalakkan lagi pertambahan pelaburan di dalam industri-industri yang berorientasikan eksport terutama industri-industri elektronik dan tekstil.

Menurut Faridah (2000) penglibatan kaum wanita dalam bidang keusahawanan

di lihat sebagai sesuatu yang positif terhadap perkembangan ekonomi negara. Seiring dengan kaum lelaki, wanita juga tidak melepaskan peluang untuk turut sama memeriahkan lagi bidang keusahawanan di Malaysia. Perkembangan pesat ekonomi negara menggamit lebih ramai wanita untuk melibatkan diri secara aktif dalam dunia keusahawanan. Pada zaman sekarang, di seluruh dunia terdapat ramai usahawan-wanita telahpun menjadi jutawan yang terkenal. Malah, sebahagian daripadanya di lihat lebih agresif daripada lelaki iaitu dari segi fikiran, perasaan dan tindakan.

Di Malaysia, penglibatan wanita dalam perniagaan sudah lama wujud misalnya di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung seperti Kelantan dan Terengganu iaitu perniagaan di pasar-pasar, pemborong, peruncit dan peniaga di kaki lima banyak dimonopoli oleh kaum wanita. Kelantan merupakan salah sebuah negeri yang miskin di Pantai Timur Semenanjung Malaysia dilihat dari segi pendapatan perkapita dan agak ketinggalan dari segi pembangunan jika dibandingkan dengan negeri-negeri maju di Pantai Barat. Walau bagaimanapun, negeri ini terkenal sebagai sebuah negeri yang mempunyai kadar penyertaan kaum wanita yang tinggi dalam aktiviti ekonomi terutamanya dalam sektor pertanian dan sektor perniagaan kecil.

Dalam apa juga bidang yang diceburi, tidak semua orang akan berjaya. Begitu juga dengan bidang keusahawanan, ada sesetengah usahawan berjaya dan ada juga yang menghadapi kegagalan. Walaupun diketahui umum bahawa bidang keusahawanan merupakan satu bidang yang berisiko tinggi untuk gagal, namun

penglibatan wanita terutamanya dalam bidang ini menunjukkan peningkatan yang

positif. Menurut Faridah (2000) kebanyakan wanita yang menceburi bidang perniagaan sebenarnya sudah terlibat dengan kerja-kerja lain, misalnya kerja makan gaji di sektor awam atau swasta. Ada juga di kalangan mereka yang pernah bekerja sendiri dalam pelbagai bidang seperti pertanian, perusahaan kraf tangan, makanan dan lain-lain kerja yang bukan berbentuk perniagaan. Bagi yang bekerja makan gaji, hasil kerja yang diperolehi itu bukan hasil niaga sendiri, tetapi hanya menawarkan khidmat sebagai pekerja kepada pihak lain. Ini menimbulkan rasa tidak bebas, tidak berpuas hati dari segi pendapatan dan terpaksa bekerja di bawah arahan orang lain. Keadaan ini membuatkan mereka ingin cuba membuka perniagaan sendiri. Jika mereka tidak lagi makan gaji, tetapi mereka boleh menghasilkan produk sendiri berbekalkan pengalaman, kemahiran dan pengetahuan yang mereka ada dan terus memasarkan produk mereka tanpa perlu melalui orang tengah yang dianggap mencekik darah.

Ada juga usahawan yang menceburi bidang perniagaan kerana keadaan yang memaksa contohnya tidak mempunyai pekerjaan disebabkan tiada kelulusan atau memiliki kelulusan yang tidak sesuai. Maka, atas desakan hidup serta keluarga atau rakan-rakan, maka individu itu mula bermula bersama ada secara kecil-kecilan ataupun secara besar-besaran, bergantung kepada modal yang ada, kemampuan, pengalaman dan sokongan orang-orang di sekelilingnya.

Menjadi usahawan yang berjaya adalah impian setiap individu yang menjalankan perniagaan. Namun begitu, berbagai-bagai cabaran harus di tempuh sebelum mengecapi kejayaan yang diimpikan. Walaupun fakta menunjukkan setiap hari bilangan usahawan semakin meningkat di Malaysia, namun tidak kurang juga

yang menghadapi kegagalan. Yep Putih (1985) menjelaskan setiap individu

akan menghadapi cabaran yang berbeza-beza, bergantung kepada jenis perniagaan,

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS jenis usahawan, saiz perniagaan, tempat, masa dan lain-lain lagi. Namun begitu,

secara umumnya cabaran yang harus dilalui oleh seseorang usahawan boleh

dibahagikan kepada diri, keluarga dan alam sekitar.

Kejayaan dan kegagalan merupakan satu lumrah bagi individu yang bergelar ahli perniagaan. Kebanyakan kajian dan temu bual yang dijalankan ke atas individu-individu yang telah berjaya dan cemerlang dalam perniagaan menunjukkan mereka ini pernah mengalami kegagalan dalam perniagaan sekurang-kurangnya sekali, sebelum mereka bangkit kembali untuk memulakan semula perniagaan mereka.

Dewan Usahawan Wanita (Dewanita) telah mengenal pasti beberapa faktor yang membawa kepada kegagalan seseorang wanita dalam mengendalikan perniagaannya. Antara faktor-faktor kegagalan tersebut ialah kurangnya latihan dan pendedahan tentang aspek keusahawanan, kategori perniagaan termasuk dalam kategori sektor tidak formal, peluang untuk mendapatkan pinjaman adalah terhad, wujudnya konflik kerjaya dan keluarga, persekitaran yang tidak adil di mana kemampuan usahawan wanita diragui, jaringan perniagaan yang lemah dan banyak lagi.

Di samping itu, Dewanita juga telah mengenal pasti faktor-faktor kejayaan seseorang wanita dalam mengendalikan perniagaan. Moha Asri dan Mohd Isa (2000) menjelaskan faktor-faktor kejayaan banyak dipengaruhi oleh pelbagai sebab sama ada ia dipengaruhi oleh faktor dalaman ataupun luaran individu. Antara faktor-faktor

kejayaan yang telah dikenal pasti oleh Dewanita ialah menjalankan perniagaan yang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKA

DRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

menunjukkan satu pembaharuan pada produk yang ditawarkan, memahami pasaran

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

dengan tepat, mempunyai daya usaha dan semangat yang tinggi, proaktif (suka

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

mencari peluang-peluang baru), motivasi kendiri yang tinggi dan pelbagai faktor lagi.

Menurut Pelan Tindakan Pembangunan Wanita Mengikut Bidang yang dikeluarkan oleh Yayasan Pembangunan Wanita pada tahun 2003, golongan wanita yang terlibat dalam bidang perniagaan dan keusahawanan sama ada di bandar atau di luar bandar sering menghadapi masalah seperti berikut:

- i. Kurang mendapat latihan dan pendedahan tentang aspek-aspek yang berkaitan dengan keusahawanan dan perniagaan seperti pemasaran, pembangunan produk, kawalan mutu, teknologi pengeluaran yang canggih, pengurusan perniagaan, pengurusan kewangan, perniagaan import eksport, cara-cara memohon lesen perniagaan, cara-cara membuat pinjaman, motivasi dan keyakinan diri. Masalah ini bukan sahaja dihadapi oleh wanita bandar tetapi juga wanita luar bandar yang terlibat dalam perusahaan mikro, industri kecil-kecilan yang berdasarkan pertanian dan industri pelancongan tani.
- ii. Peluang yang terhad untuk mendapatkan pinjaman dan kemudahan kredit dari institusi-institusi kewangan untuk memulakan perniagaan serta untuk tujuan pengembangan perniagaan.
- iii. Sebilangan besar wanita yang terlibat dalam sektor tidak formal sama ada sebagai pekerja sendiri atau pekerja terdedah kepada eksloitasi seperti upah yang rendah serta keadaan tempat kerja yang kurang memuaskan.
- iv. Kurang pengetahuan tentang peluang perniagaan serta pelbagai skim bantuan yang disediakan oleh pelbagai agensi kerajaan seperti Kementerian

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKA

DRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Pembangunan Luar

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Bandar, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pertanian.

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

- v. Usahawan wanita terutamanya yang terlibat dalam industri makanan dan kraf tangan kurang mendapat peluang perniagaan seperti pembekalan makanan ringan dan cenderamata ketika negara menganjurkan persidangan-persidangan, majlis-majlis sukan, mesyuarat-mesyuarat dan majlis-majlis lain yang melibatkan ramai peserta dari dalam dan luar negeri (Sumber : Internet, Yayasan Pembangunan Wanita, 2006).

Oleh yang demikian, program latihan khusus dalam bidang kemahiran dan keusahawanan bagi wanita telah dilaksanakan bagi membolehkan mereka memajukan diri dan merebut peluang yang ada di pasaran pekerjaan. Sehubungan dengan ini, kursus dalam bidang perniagaan seperti pengurusan organisasi dan kewangan telah dilaksanakan.

Di Malaysia, kajian mengenai usahawan wanita masih kurang berbanding di negara barat seperti Amerika dan Kanada. Terdapat beberapa kajian yang berkaitan usahawan wanita seperti yang telah dilakukan oleh Tee Kee Pei (2000), Norsidah (2003), Ismail Ab Wahab (2004), Norita Deraman (2005), Noor Aini (2003), Suaibah, Azlah, Rozeyta, Hishamuddin, Syaharidatul dan Rosilla (2005) dan lain-lain lagi. Kajian oleh Suaibah et.al (2005) adalah berkaitan aktiviti keusahawanan di kalangan ibu tunggal di Negeri Johor.

Melihat kepada kurangnya penyelidikan yang dijalankan ke atas usahawan wanita di Malaysia, maka pengkaji berpendapat adalah wajar untuk kajian ini dijalankan. Kajian ini akan mengenal pasti tahap kemampuan wanita sebagai pengusaha dalam pengurusan syarikat dan amalan pengurusan dalam aktiviti keusahawanan wanita serta mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan dan kegagalan usahawan wanita dalam bidang keusahawanan. Di samping itu, kajian ini juga mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh usahawan wanita dalam pengendalian perniagaan mereka. Dapatandaripada soal selidik yang dibuat diharap dapat memberi gambaran sebenar terhadap fenomena yang dikaji dan seterusnya membantu pihak-pihak yang berkaitan untuk merangka dan melaksanakan tindakan-tindakan susulan yang sewajarnya agar prestasi usahawan wanita dapat dipertingkatkan ke pasaran global.

Kajian mengenai penglibatan wanita dalam perniagaan di Kelantan telah banyak dilakukan mengikut pendekatan antropologi dan sosiologi bagi latihan ilmiah di institusi pengajian tinggi. Di samping itu, terdapat banyak lagi kajian-kajian yang khusus mengenai perniagaan tetapi lebih tertumpu kepada perniagaan Melayu dan kurang menekankan penglibatan wanita.

1.3 MATLAMAT KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor kejayaan dan kegagalan usahawan wanita dalam pengendalian perniagaan mereka serta mengenal pasti tahap

kemampuan wanita sebagai pengusaha dalam pengurusan syarikat dan amalan

pengurusan dalam aktiviti keusahawanan Di samping itu, kajian ini juga mengenal

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

DRIS pasti masalah yang dihadapi oleh usahawan wanita dalam pengendalian perniagaan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

mereka.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Bagi mencapai matlamat kajian yang ditetapkan, beberapa objektif telah dibentuk iaitu:

- i. Mengenal pasti profil perniagaan usahawan wanita di dua buah daerah di Negeri Kelantan.
- ii. Mengenal pasti tahap kemampuan penglibatan wanita sebagai pengusaha dalam pengurusan syarikat dan amalan pengurusan usahawan wanita dalam bidang perniagaan di dua buah daerah di Negeri Kelantan.
- iii. Mengenal pasti faktor yang mempengaruhi kejayaan dan kegagalan usahawan wanita di dua buah daerah di Negeri Kelantan
- iv. Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh usahawan wanita semasa memulakan dan semasa mengendalikan perniagaan.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

i. Apakah profil perniagaan usahawan wanita di dua buah daerah di Negeri Kelantan dari segi:

a) Tahap kemampuan penglibatan usahawan wanita sebagai pengusaha dalam pengurusan syarikat di dua buah daerah di Negeri Kelantan dalam bidang perniagaan.

b) Tahap amalan pengurusan usahawan wanita di dua buah daerah di Negeri Kelantan dalam bidang perniagaan.

ii. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan dan kegagalan usahawan wanita di dua buah daerah di Negeri Kelantan.

iii. Apakah masalah yang dihadapi oleh usahawan wanita semasa memulakan dan semasa mengendalikan perniagaan.

1.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini hanya terbatas kepada usahawan wanita bumiputera di dua buah daerah Negeri Kelantan iaitu Kota Bharu dan Tanah Merah. Kajian ini juga hanya memberi fokus kepada faktor-faktor kejayaan dan kegagalan usahawan wanita. Di samping itu, kajian ini juga melihat tahap kemampuan penglibatan usahawan wanita dan amalan pengurusan usahawan wanita dalam bidang perniagaan serta masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan wanita semasa memulakan dan semasa mengendalikan perniagaan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Kajian yang dilakukan ini mempunyai kepentingan seperti berikut:

- i. Membantu Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi atau Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk merangka pelan tindakan untuk meningkatkan penglibatan kaum wanita dalam bidang keusahawanan. Selain itu, kajian ini juga boleh di rujuk bagi membantu pihak kementerian dalam merancang dan merangka program dan latihan-latihan yang diperlukan oleh usahawan wanita bagi membantu meningkatkan kemampuan mereka dalam pengendalian perniagaan.
- ii. Membantu pihak kerajaan dalam mengenal pasti latihan dan bantuan yang diperlukan oleh usahawan wanita bagi membolehkan mereka meningkatkan prestasi perniagaan serta membolehkan mereka mampu bersaing di peringkat tempatan mahupun luar negara.
- iii. Membantu pihak kerajaan untuk menyediakan pelan tindakan bagi membantu usahawan wanita yang bermasalah atau dijadikan modul bagi pembangunan usahawan wanita di seluruh negara.
- iv. Hasil kajian ini juga boleh dijadikan sebagai khazanah ilmu dan menjadi bahan rujukan umum dalam bidang keusahawanan. Ini sedikit sebanyak dapat meningkatkan kesedaran orang ramai terutamanya usahawan wanita untuk mempelajari dan mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang perniagaan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS